

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari
[Setiawangsa]
TARIKH : 19 Mei 2016
SOALAN : Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kesan fenomena El Nino terhadap penghasilan padi di Malaysia dan adakah bekalan beras untuk kegunaan rakyat Malaysia akan terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya, kawasan penanaman padi yang mengalami fenomena El Nino pada masa ini masih terkawal dan tidak memberikan impak pengurangan yang besar terhadap pengeluaran padi. Ini disebabkan, musim 1/2016 (luar musim) adalah di peringkat penuaian.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Rakyat,
Pengeluaran beras negara pada tahun 2016 dianggarkan berjumlah 2,145,066 mt. Manakala keperluan beras negara bagi tahun 2016 adalah 2.4 juta mt. Keperluan ini dianggarkan berdasarkan jumlah penduduk dan penggunaan perkapita.

Walau bagaimanapun, sekiranya el nino ini berterusan sehingga September 2016 dan menjejaskan pengeluaran padi, bekalan beras negara boleh ditampung melalui import beras. Namun begitu, sekiranya kerajaan mengumumkan darurat, maka stok penimbal negara boleh digunapakai bagi tujuan menampung keperluan beras dalam negara.